

KEMAMPUAN MOTIVASI LUARAN DALAM MEMBANTU
KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR: SATU KAJIAN KES
TERHADAP PELAJAR TAHUN TIGA IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
KEJURUTERAAN AWAM DENGAN CPA \geq 3.00 DI KUITTHO.

AIZA SHAIRYNA BINTI MOHD AMIN

ASIAH BINTI ARIFFIN

NORLIZA BINTI MD JAHID

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2001

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dan puji-pujian dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahnya memberi keizinan kepada kami untuk menyiapkan kajian kes ini.

Di kesempatan yang ada ini kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pensyarah bimbingan kami Tuan Haji Md. Yusof bin Jamar @ Jamil yang membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menjalankan kajian kes ini.

Juga kepada pelajar-pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Awam serta kakitangan pejabat pengurusan akademik yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan kajian kes ini.

Dan akhir sekali ditujukan kepada keluarga tercinta, rakan-rakan seperjuangan dan sesiapa sahaja yang telah banyak memberi sokongan, dorongan, teguran serta nasihat yang membina untuk menyempurnakan kajian kes ini. Hanya Allah S.W.T sahaja dapat membalasnya. Terima kasih.

ABSTRAK

Motivasi luaran merupakan salah satu faktor yang mendorong pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik. Motivasi luaran ini boleh dibahagikan kepada lima faktor utama iaitu faktor keluarga, pensyarah, rakan sebaya, media massa dan kemudahan awam. Di sini satu kajian kes dilakukan dengan menggunakan kaedah soal selidik bagi melihat perkaitan antara kecemerlangan pelajar dengan faktor motivasi luaran. Kajian ini dilakukan ke atas 60 orang pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam yang memperolehi CPA ≥ 3.00 di KUiTTHO.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

ABSTRACT

Extrinsic motivation is one of the factors which can affect academic excellence amongst students. Motivation can be divided to five factors. The factors are family, lecturers, friends, mass media and academic facilities. This case study has been developed by using questionnaire to determine the relationship between this extrinsic motivation and academic excellence. The study involved 60 third year Bachelor of Science (Civil Engineering) students who attained CPA ≥ 3.00 .



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	PENGESAHAN PENYELIA	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI GRAF	xiii
	SENARAI CARTA	xiv
BAB 1	Pengenalan Kajian	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Penyataan Masalah	2
	1.2 Soalan Kajian	3
	1.3 Kepentingan Kajian	3
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Kerangka Teori	4
	1.6 Batasan Kajian	5
	1.7 Definisi Operasi	5

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	6
2.1	Teori Motivasi	7
2.1.1	Pendahuluan	7
2.1.2	Teori Motivasi	7
2.1.3	Teori Pembelajaran Sosial	8
2.1.4	Teori Pelaziman Operan	8
2.1.5	Teori Motivasi Pencapaian	10
2.2	Motivasi Dalaman	11
2.2.1	Pengetahuan Asas	11
2.2.2	Minat	12
2.3	Motivasi Luaran	13
2.3.1	Latar Belakang Pelajar	13
2.3.2	Sosiobudaya	14
2.3.3	Rakan Sebaya	16
2.3.4	Pensyarah	17
2.3.5	Media Massa	18

BAB III METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	19
3.1	Jenis Kajian	20
3.2	Rekabentuk Kajian	20
3.3	Instrumen	21
3.4	Kerangka Proses	23

3.5	Punca Data	24
3.6	Andaian	24
3.7	Analisis Data	25
3.8	Limitasi	26

BAB IV ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	27
4.1	Analisis Kebolehpercayaan	
	Borang Soal Selidik	28
4.2	Analisis Latarbelakang Pelajar	
4.2.1	Pendidikan Tertinggi Pelajar	29
4.2.2	Pendidikan Tertinggi Bapa	31
4.2.3	Pendidikan Tertinggi Ibu	33
4.3	Analisis Faktor	35
4.3.1	Faktor Keluarga	37
4.3.2	Faktor Pensyarah	38
4.3.3	Faktor Rakan Sebaya	39
4.3.4	Faktor Media Massa	40
4.3.5	Kemudahan Awam	41

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	42
5.1	Kesimpulan	43
5.2	Cadangan	44

BIBLIOGRAFI 46

LAMPIRAN – BORANG SOAL SELIDIK

- ANALISIS TERPERINCI



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Latar belakang pendidikan, kelulusan akademik tertinggi untuk memasuki KUiTTHO	29
4.2	Latar belakang pendidikan tertinggi bapa	31
4.3	Latar belakang pendidikan tertinggi ibu	32
4.4	Analisis ANOVA	35



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

SENARAI GRAF

NO. GRAF	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Latar belakang pendidikan tertinggi bapa	31
4.2	Latar belakang pendidikan ibu	33
4.3	Perbezaan purata antara faktor motivasi	34



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI CARTA

NO. CARTA	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Latar belakang pendidikan, kelulusan akademik tertinggi untuk memasuki KUiTTHO	30
4.2	Pengaruh keluarga terhadap keputusan pelajar	36
4.3	Pengaruh pensyarah terhadap keputusan pelajar	37
4.4	Pengaruh rakan sebaya terhadap keputusan pelajar	38
4.5	Pengaruh media massa terhadap keputusan pelajar	39
4.6	Pengaruh kemudahan awam terhadap keputsan pelajar	40



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.0 Pendahuluan

Motivasi menurut kamus dewan memberikan definisi sebagai keinginan jitu dan semangat kuat yang dimiliki oleh seseorang yang mendorongnya berusaha untuk melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Manakala motivasi dari segi perspektif agama islam, dalam surah Ar-ra'd ayat 11 yang bermaksud :
“sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehingga mereka sendiri yang mengubah nasib mereka”, adalah merupakan definisi terbaik bagi umat islam untuk sentiasa bekerja bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan hidup dan juga mampu untuk mempertingkatkan syiar agama islam di atas muka bumi ini. Dengan ertikata yang lain, motivasi bolehlah dikatakan sebagai sesuatu rangsangan pekerjaan agar mencapai kecemerlangan hidup sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Bertitik tolak daripada definisi di atas, dapatlah kita membayangkan betapa pentingnya motivasi kepada seseorang pelajar dalam usahanya untuk menggerakkan seluruh anggota jiwa dan raganya ke arah pencapaian akademik yang memberangsangkan. Ini kerana, biarpun seseorang pelajar tersebut sudah lengkap dari segi material akademiknya, termasuklah bahan-bahan rujukan tetapi jika jiwa sanubari mereka tidak disuntik dengan semangat motivasi, para pelajar ini tidak akan mempunyai matlamat dan wawasan yang tinggi.

Motivasi boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu motivasi dalaman dan motivasi luaran. Di sini hanya motivasi luaran sahaja yang akan diperbincangkan. Motivasi luaran pelajar boleh ditingkatkan dengan berbagai kaedah. Di antaranya ialah pensyarah mempelbagaikan kaedah pengajaran, memadankan tugas yang diberi dengan kemampuan pelajar serta menetapkan objektif yang selari dengan kefahaman pelajar. Di samping itu keluarga seharusnya memberi dorongan dan menanamkan sikap cintakan ilmu sejak kecil lagi. Pengaruh rakan sebaya, media massa dan kemudahan awam turut membantu memotivasi seseorang pelajar.

1.2 Penyataan Masalah

Kecemerlangan seseorang pelajar dalam peperiksaan boleh dipengaruhi oleh motivasi luaran. Di antaranya ialah keluarga, pensyarah, rakan sebaya, media masa dan kemudahan awam.

1.3 Soalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut:

- i) Adakah keluarga memberi dorongan dalam membantu kecemerlangan akademik?
- ii) Adakah Pensyarah mampu memotivasikan pelajar bagi mencapai kecemerlangan akademik ?
- iii) Adakah rakan sebaya dapat membantu dalam kecemerlangan akademik?
- iv) Adakah media massa mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar?
- v) Adakah kemudahan awam membantu kecemerlangan akademik pelajar?
- vi) Adakah perbezaan jantina mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil kajian, diharapkan dapat memberi maklumat kepada semua pihak mengenai kaitan di antara motivasi luaran dengan pencapaian akademik pelajar.


Di samping itu kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pelajar baru di KUiTTHO ataupun institusi pengajian tinggi yang lain tentang teknik mencapai kecemerlangan akademik.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat perkaitan di antara kecemerlangan pelajar dengan motivasi luaran melalui beberapa faktor:

- i) Dorongan yang diberikan oleh keluarga
- ii) Kaedah penyampaian pensyarah di dalam bilik kuliah
- iii) Pengaruh rakan sebaya
- iv) Kesan media massa
- v) Penyediaan kemudahan awam

1.6 KERANGKA TEORI



1.7 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam yang memperolehi CPA ≥ 3.00 di KUiTTTHO. Saiz populasi bagi kajian ini adalah seramai 60 orang pelajar.

1.8 Definisi Operasi

Diantara definisi-definisi istilah dalam kajian ini adalah seperti berikut;

Keluarga	: Ibubapa dan adik beradik.
Pensyarah	: Pensyarah yang mengajar responden.
Rakan sebaya	: Rakan sekelas
Media massa	: Radio, televisyen, internet, suratkhbar dan majalah.
Kemudahan awam	: Perpustakaan, bilik kuliah dan makmal komputer.
Perbezaan jantina	: Lelaki dan perempuan.
Kecemerlangan	: Mencapai CPA ≥ 3.00 .
Motivasi luaran	: Keluarga, pensyarah, rakan sebaya, media massa dan kemudahan awam.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Faktor penting untuk seseorang pelajar menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajarannya ialah ketenteraman jiwa. Masalah yang datang dari keluarga akan membuatkan seorang pelajar itu menjadi tidak berminat untuk meneruskan pembelajarannya. Keluarga juga merupakan faktor pendorong utama kepada pelajar, dengan berbekalkan kasih sayang, perbelanjaan yang cukup serta perhatian sepenuhnya akan membuatkan seseorang pelajar itu lebih bermotivasi untuk belajar. Hasil kajian Mohd Zamri, Robert @ Kerk Swee Tin dan Zaidi (1998) mendapati bahawa keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam pencapaian akademik pelajar di mana mereka dapat mempengaruhi anak-anak untuk berjaya.

2.1 Teori Motivasi

2.1.1 Pendahuluan

Motivasi ialah satu daya usaha dan tingkah laku ke arah pencapaian sesuatu matlamat. Ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu motivasi *Intrinsik* dan motivasi *Ekstrinsik*. Motivasi *Intrinsik* merupakan dorongan dalaman yang wujud dalam diri seseorang iaitu minat, perasaan ingin tahu dan kecekapan. Motivasi *Ekstrinsik* pula merujuk kepada dorongan luaran bagi seseorang individu seperti dorongan dari keluarga, pujian dari guru dan rakan sebaya.

2.1.2 Teori Motivasi

Kajian oleh Brophy (1987), merumuskan bahawa motivasi belajar adalah suatu tingkah laku, sikap atau kecenderungan yang berterusan dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui situasi pembelajaran. Ahli psikologi daripada pelbagai aliran telah mengemukakan beberapa teori tentang motivasi. Di antaranya ialah Teori Pembelajaran Sosial, Teori Pelaziman Operan, Teori Motivasi Pencapaian dan sebagainya.

2.1.3 Teori Pembelajaran Sosial

Teori ini datangnya daripada ahli psikologi aliran Behavioris yang bernama Bandura (1997). Beliau berpendapat bahawa manusia adalah individu yang berkemampuan untuk berfikir dan memilih haluan sendiri. Teori ini menyarankan bahawa pembelajaran mestilah berlaku melalui proses pemodelan atau mengajar dengan menggunakan contoh. Mengikut Bandura juga, peniruan oleh pelajar hanya akan berlaku jika terdapat perkara seperti berikut:

- a) Pemerhatian yang teliti diberikan kepada gerak balas yang hendak dicontohi dengan menggunakan penglihatan, pendengaran, deria rasa atau sentuhan.
- b) Hasil pemerhatian disimpan dalam ingatan
- c) Gerakbalas yang ditunjukkan adalah berdasarkan kepada apa yang dilihat, dirasa atau didengar.
- d) Ganjaran diberikan untuk meneguhkan gerak balas tersebut.

Keseluruhannya, teori ini menekankan kepada teknik pembelajaran bagi meningkatkan motivasi para pelajar.

2.1.4 Teori Pelaziman Operan

Teori ini oleh B.F. Skinner (1968), mengatakan tingkah laku yang disengajakan boleh dibentuk atau dilentur ke suatu arah tertentu melalui pelaziman. Teori ini lebih

berpendapat tingkah laku manusia dikuasai oleh ganjaran yang diterima apabila melakukannya. Di antara penggunaan teori Skinner dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

- a) Guru hendaklah menggunakan peneguhan untuk mengukuhkan tingkah laku yang diinginkan.
- b) Peneguhan yang positif hendaklah dilakukan dengan berkesan.
- c) Objektif pendidikan yang ingin dicapai mestilah betul dan sesuai.
- d) Pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang sukar hendaklah dilaksanakan secara berperingkat.
- e) Pelajar perlu pandai mengasingkan di antara perkara penting dan kurang penting untuk memudahkan tumpuan belajar.

2.1.5 Teori Motivasi Pencapaian

Teori ini dikemukakan oleh ahli psikologi dari aliran kognitif yang bernama Atkinson (1964). Menurutnya kecenderungan seseorang individu untuk mencapai sesuatu matlamat adalah berlandaskan tiga faktor utama iaitu:

- a) Keperluan untuk pencapaian atau motivasi untuk berjaya.
- b) Kebarangkalian untuk berjaya.
- c) Nilai insentif untuk berjaya.

Walau bagaimanapun, wujud beberapa situasi yang berkaitan dengan pencapaian dan untuk mengelakkan kegagalan yang terhasil dari tiga faktor di atas iaitu:

- a) Dorongan untuk mengelakkan kegagalan.
- b) Kebarangkalian untuk gagal.
- c) Nilai insentif untuk gagal.

Motivasi untuk berjaya dianggapkan sebagai keupayaan bagi pengalaman yang memuaskan dalam pencapaian. Manakala dorongan untuk mengelakkan kegagalan pula dianggap sebagai perkara yang memalukan. Menurut Weiner (1972), kesan dari kejayaan atau kegagalan akan mempengaruhi motivasi seseorang di mana:

- a) Pelajar yang bermotivasi tinggi, tahap motivasi mereka akan semakin meningkat setelah mengalami kegagalan.
- b) Pelajar yang bermotivasi rendah, tahap motivasi mereka akan sentiasa rendah setelah mengalami kegagalan.

Teori yang dikemukakan oleh Atkinson dan Litwin (1960), boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana:

- a) Guru boleh meningkatkan motivasi para pelajar dengan memberi kritikan yang membina dan mengurangkan alasan takut mengalami kegagalan.
- b) Membantu pelajar mencapai matlamat pendidikan yang betul dan mencabar.

- c) Memberi insentif atau ganjaran kepada pelajar bagi usaha dan prestasi yang baik.

Kesimpulan dari teori ini, kesukaran tugas turut mempengaruhi motivasi pelajar dan akibat terlalu kerap menghadapi kesukaran di bilik darjah akan mengurangkan tahap motivasi pelajar.

2.2 Motivasi Dalaman

Motivasi dalaman atau motivasi intrinsik merupakan motivasi yang wujud dari dalaman seseorang individu. Contoh-contoh faktor yang mendorong motivasi intrinsik adalah seperti pengetahuan asas, minat, perasaan ingin tahu dan penglibatan.

2.2.1 Pengetahuan Asas

Salah satu faktor yang membuatkan motivasi seseorang pelajar itu bertambah ialah dengan adanya pengalaman atau pengetahuan asas. Kemahiran atau pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar ketika berada di alam persekolahan akan membantu tugas pelajar di universiti. Menurut Ausubel (1963), pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada dalam sesuatu mata pelajaran berkait rapat dengan prestasi pada akhir kursus itu. Selain daripada pengetahuan asas, pelajar juga harus didedahkan dengan kaedah

pengajaran dan pembelajaran di universiti. Persediaan yang lemah akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dan mengikuti kursus di universiti. Menurut Wankowshi (1970), semasa di universiti pelajar yang didapati mengamalkan cara belajar yang sama seperti di sekolah tidak akan berjaya kerana kaedah mengajar dan iklim belajar yang tidak serupa.

2.2.2 Minat

Minat merupakan daya penggerak yang mendorong seseorang supaya dapat memberi perhatian kepada kegiatan, benda atau seseorang. Menurut Fryklund, Vern. C (1950), minat yang timbul pada pelajar akan dapat mempengaruhi pembelajaran. Minat akan menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih mudah. Manakala Crow (1980), menunjukkan jikalau seseorang itu berminat, walaupun mempunyai kebolehan yang sederhana, masih boleh mengembangkan minat dan sentiasa berusaha dengan gigih sehingga berjaya. Minat boleh menimbulkan motivasi yang tinggi kepada pelajar tambahan pula dipengaruhi oleh rakan sebaya, pensyarah, ibubapa dan ahli keluarga yang lain.

2.3 Motivasi Luaran

Motivasi luaran atau motivasi ekstrinsik merupakan motivasi yang wujud daripada dorongan luar. Contoh-contoh faktor yang mendorong berlakunya motivasi ekstrinsik ini adalah seperti keluarga, pensyarah, rakan sebaya, media massa dan kemudahan awam.

2.3.1 Latar Belakang Pelajar

Setiap pelajar datangnya dari latarbelakang yang berbeza. Ketiga-tiga unsur seperti taraf pendidikan, jenis pekerjaan dan pendapatan ibu bapa atau penjaga boleh membezakan pelajar dari segi kemudahan pembelajaran, kemampuan membeli barang pembelajaran dan dorongan atau motivasi dalam pembelajaran. Keluarga merupakan satu unit sosial yang boleh memberi kesan ke atas perkembangan personaliti seseorang. Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan perhubungan yang harmonis di kalangan ahli keluarga. Menurut Habibah Elias (1997), ibu bapa hendaklah menunjukkan bahawa mereka mengambil berat dan memberi kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka. Cara yang demikian dapat membantu anak-anak supaya berasa lebih positif terhadap diri mereka sendiri dan akhirnya menjadi orang dewasa yang berani dan yakin pada diri sendiri.

BIBLIOGRAFI

Abd. Rahim Abd Rashid,(1987). "Sikap, Nilai dan Prestasi Guru: Implikasi kepada Pendidikan"

Asmady Idris & Janabusa (2000). "Motivasi PMR, SPM, STPM : Azimat Kecemerlangan"

Ausubel, D.P (1963). Educational Pshyyology: A Cognitive View. "Holt, Rinehart and Winston, New York.

Ee Ah Meng (1995) " Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak (Asas Pendidikan 4)." Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ee Ah Meng (1955) " Murid dan Pembelajaran (Asas Pendidikan)." Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ee Ah Meng (1998) " Psikologi Pendidikan 1 (Psikologi Perkembangan Semester 1)."Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.

Habibah Eliasdan Mohd Fauzi Yaakub. "Psikologi Personaliti" DBP
Institut Teknologi Tun Hussein Onn (1998). "Panduan Sistem akedemik Program Ijazah Sains Sarjana Muda dan Diploma" ITTHO.

Mohd Zamri, Robert@Kerk Swee Tin dan Zaidi (1998). "Sejauh manakah Latarbelakang Pendidikan Keluarga mempengaruhi Pencapaian Pelajar SPM: Satu Kajian Kes Pelajar Semester Satu, Sarjana Muda di ITTHO." Institut teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes.

Muhammed Awang (1990). "Strategi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Pusat Pengajian Tinggi" Journal Personaliti Pelajar.

Prof. Madya Dr. Saedah Sirah (1994), Motivasi Kendiri, Muslimah Julai/ Ogos. Hal 42-4

Robiah bt, Udin (1999), "Masalah Pembelajaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Tahun Dua Semester Satu Kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Di ITTHO: Kajian Kes" Institut Teknologi Tun Hussein Onn

Sharifah Alwiyah Isagoff (1987). "Psikologi Pendidikan 1, Konsep Asas Psikologi Dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan." Petaling Jaya Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Thomas L. Good & Jere E. Brophy (1990), "Educational Psychology: A Realistic Approach" Logman